

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A CQ -0214  
INV.C...nms 1/3/02

**TAKLID KEPADA MAZHAB SYAFIE DALAM AMALAN  
BERKAITAN ZAKAT PADI MENURUT UNDANG-UNDANG  
ZAKAT NEGERI KEDAH**

**MAHYUDDIN BIN ABU BAKAR**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510575470

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
OKTOBER, 2000**

**TAKLID KEPADA MAZHAB SYAFIE DALAM AMALAN  
BERKAITAN ZAKAT PADI MENURUT UNDANG-UNDANG  
ZAKAT NEGERI KEDAH**

**MAHYUDDIN BIN ABU BAKAR**

**Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Syariah  
( Secara Berkursus dan Disertasi )**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
OKTOBER, 2000**

## **ABSTRACT**

The practice of “*taklid*” to *mazhab Syāfiie* in doing everyday religious activities has become a formality, not to mention as one of culture to the followers of Islam in this country. This phenomenon is a continuation from the influence of this *mazhab* which has been around since the existence of Islam in Malaysia. Hence, this research is done with the thought of looking at the true reality of *taklid* is accepted by Islam, especially in issue which are closely knitted with the religious issues, in addition to investigate its development among the Muslims, especially the Malays.

Pertaining to the above matter, this research will try to look at the practice of *taklid* to *mazhab Syāfiie* in a zakat padi practice in Kota Setar district. This district is chosen as a research location as this is the place, based on the findings of early Islamic gravestone, where Islam first set its foot in Malay Peninsular. Therefore, the writer will try to study how far is the influence of the *mazhab* has existed in the zakat padi practice among the people here. The assessment will be done from the aspect of it's suitableness with the *mazhab*'s principles. The result will prove whether the *mazhab Syāfiie* is the sole influence or whether there are influences from other *mazahib* as well.

The findings from this research will become a yardstick for the writer in ascertaining the reality of *taklid* to *mazhab Syāfiie* followers, especially in a zakat padi practice together with its effects on the practise and the thinking of the Muslims. Finally, the most important element in this research is the analysis done for the benefits of Muslims in *taklid* in relation the religious matters.

## **ABSTRAK**

Amalan bertaklid kepada *mazhab Syāfiie* dalam perkara-perkara ibadah sudah menjadi perkara biasa malah telah menjadi budaya kepada umat Islam di negara ini. Fenomena ini merupakan kesinambungan daripada pengaruh *mazhab* tersebut yang telah wujud sekian lama malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa kewujudannya bermula selari dengan penerimaan Islam di Tanah Melayu. Justeru, penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk melihat realiti sebenar *taklid* yang dibenarkan oleh Islam khususnya dalam perkara-perkara yang berkait rapat dengan isu-isu keagamaan di samping menyingkap bagaimanakah ianya berkembang di dalam masyarakat umat Islam khususnya orang-orang Melayu.

Rentetan daripada persoalan tersebut, kajian ini cuba melihat persoalan amalan *taklid* kepada *mazhab Syāfiie* di dalam ibadah zakat padi di daerah Kota Setar. Pemilihan daerah ini sebagai lokasi kajian sebenarnya sangat penting untuk menilai kekuatan pengaruh *mazhab* tersebut.

Kepentingannya dinilai kerana melihat kaitannya amat rapat dengan kemasukan Islam di negeri Kedah khususnya berdasarkan di sinilah telah ditemui batu nisan yang membuktikan titik permulaan kemasukan Islam ke Tanah Melayu.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulilah, segala pujian dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Rabbul Jalil, selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., para Sahabat, tabi'in dan seluruh umat Islam.

Kupanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana tanpa limpah rahmat, keizinan serta inayahNya sudah pasti penulis tidak dapat menyiapkan Disertasi ini dengan jayanya.

Terima kasih yang tidak terhingga penulis rakamkan kepada **Puan Raihanah Haji Abdullah** selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan kritikan membina, dorongan serta sokongan kepada penulis sepanjang usaha menyiapkan kajian ini. Jasa baik yang telah dicurahkan tidak mungkin terbayar, mudah-mudahan akan mendapat ganjaran yang setmpal daripadaNya.

Jutaan penghargaan juga diucapkan kepada semua pensyarah Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya di atas mutiara-mutiara ilmu yang telah di curahkan sepanjang pengajian penulis di perlumbahan ilmu ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada **Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Noor**, Pengurus Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, kakitangan Pejabat Zakat Negeri Kedah serta pihak-pihak berkaitan yang turut menyumbangkan bantuan kepada penulis sepanjang usaha menyiapkan penyelidikan ini.

Untuk sahabat-sahabat serumah *Jash, Azam, Amran dan Aziz*, terima kasih di atas sokongan dan keprihatinan kalian memahami situasi penulis sepanjang usaha-usaha menyiapkan disertasi ini. Juga tidak dilupakan rakan-rakan sekerja di Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan ( PTPL ) Shah Alam yang turut memberi sokongan moral kepada penulis.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam membantu dan memberikan kerjasama kepada penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah memberkati dan merahamati usaha-usaha murni tersebut.

**Oktober 2000 / Rejab 1421**

## **DEDIKASI**

**Istimewa Untuk .....**

*Semua ahli keluarga tercinta*

*Semoga kita semua dirahmati Allah hendaknya*

*Dunia dan akhirat.*

*Amin....*

## **KANDUNGAN**

<i>Abstrak</i>	i
<i>Penghargaan</i>	iii
<i>Dedikasi</i>	v
<i>Daftar Isi</i>	vi
<i>Pendahuluan</i>	ix
<i>Transliterasi</i>	xix
<i>Senarai Kependekan</i>	xx
<i>Senarai Statut</i>	xxi

## **BAB PERTAMA**

### **Amalan Bertaklid Dari Perspektif Hukum Islam**

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pengertian Taklid	4
1.1.1 Latarbelakang Kemunculan Amalan Taklid	7
1.1.2 Hukum Bertaklid Dalam Masalah Fiqh ( <i>Furū'</i> ) dan Masalah Akidah ( <i>Usūl</i> )	9
1.2 Hukum Bertaklid Kepada Mazhab-mazhab dan Berpindah Mazhab	23
1.3 Kesimpulan	30
Nota Hujung	

## **BAB KEDUA**

### **Zakat Pertanian Dalam Perbincangan Fiqh**

2.0 Pendahuluan	40
2.1 Kaedah Penentuan Nisāb	50
2.2 Kadar Nisab Zakat Padi	53
2.2.1 Menggenapkan Jumlah Nisab	54
2.2.2 Nisāb Tanpa Gantang	57
2.2.3 Menentukan Nisāb Melalui Taksiran	59
2.3 Kadar Zakat Pertanian	62
2.4 Kaedah Pembayaran Zakat	65
2.5 Kewajipan Pelaksanaan Zakat	68
2.6 Kesimpulan	72
Nota Hujung	

## BAB KETIGA

### Taklid di Malaysia : Sejarah dan Perkembangannya

3.0 Pendahuluan	
3.1 Faktor-faktor Penyumbang Kepada Budaya Taklid	80
3.1.1 Peranan Mubaligh-mubaligh Awal Masyarakat Melayu	82
3.1.2 Penguatkuasaan Undang-undang	82
3.1.3 Peranan Pelajar-pelajar Lepasan Pondok	86
3.1.4 Penerimaan Aliran Teologi al-Asyā'irah	87
3.1.5 Pengukuhan Sistem Feudal Dalam Masyarakat Melayu	92
3.2 Latarbelakang Taklid Mazhab Syāfie di Kedah	94
3.3 Penerimaan Mazhab Syāfie Dalam Masyarakat Melayu Islam Kota Setar	97
3.4 Perkembangan Taklid Mazhab Syāfie di Kalangan Masyarakat Melayu Kota Setar	108
3.4.1 Mengikut Amalan Generasi Terdahulu	113
3.4.2 Penguatkuasaan Undang-undang	114
3.4.3 Pengajian Ilmu-ilmu Agama	116
3.5 Reaksi Terhadap Penerimaan Prinsip-prinsip Mazhab lain	118
3.6 Kesimpulan	123 ✓
	127

Nota Hujung

## BAB KEEMPAT

### Amalan Berzakat Padi di Kalangan Masyarakat Melayu Kota Setar dan Menurut Peruntukan Undang-undang Zakat Negeri Kedah

4.0 Pendahuluan	
4.1 Penentuan Nisāb Zakat Padi	140
4.2 Kaedah Pembayaran Zakat Padi	141
4.2.1 Bentuk Pembayaran Zakat	150
4.3 Kesimpulan	156
	168

Nota Hujung

## BAB KELIMA

### Rumusan Dan Kesimpulan

5.0 Pendahuluan	
5.1 Konsep Amalan Bertaklid	172
5.2 Pengaruh Taklid dan Perkembangannya	172
5.3 Realiti Amalan Berzakat Padi di Kalangan Masyarakat Melayu Kota Setar	174
5.4 Saranan	177
	180
5.4.1 Peranan Tokoh-tokoh Agama	
5.4.2 Pemerintah	180
5.4.3 Individu Dalam Masyarakat	182
5.5 Penutup	183
	184
<b>BIBLIOGRAFI</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	186

# PENDAHULUAN

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Umumnya perkataan *taklid* menggambarkan suatu keadaan di mana wujud satu kepercayaan atau ikut-ikutan terhadap segala hukum-hakam yang telah difatwakan oleh para ulama' terdahulu tanpa melakukan apa-apa kajian mengenainya malah fatwa-fatwa tersebut dianggap sebagai sesuatu yang perlu diikuti dan dipatuhi oleh semua orang Islam<sup>1</sup>. Penerimaan amalan *taklid* oleh masyarakat Melayu ini telah menjadi bahan kritikan Kaum Muda Melayu yang dianggap sebagai golongan reformis Islam di Malaysia<sup>2</sup>. Sehubungan dengan itu para sarjana berpendapat amalan dan budaya *taklid* ini telah tersebar luas di kalangan masyarakat Melayu tradisional daripada abad ke-13 hingga abad ke-20 Masihi<sup>3</sup>.

Sungguhpun pada dasarnya amalan bertaklid terhadap sesuatu *mazhab* adalah dibenarkan oleh Islam kepada golongan yang tidak mampu berijtihad tetapi sejaugumanakah amalan bertaklid ini dibenarkan khususnya di dalam perkara-perkara yang bersifat kewajipan yang fardhu. Justeru itu kajian ini akan cuba melihat amalan bertaklid yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu dalam amalan ibadah zakat padi oleh masyarakat di lokasi kajian.

## **1.1 Latar belakang Persoalan Kajian**

Dalam pentadbiran undang-undang Islam di kebanyakan negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis telah memperuntukkan bahawa keutamaan diberikan kepada *mazhab* Syāfie dalam penetapan fatwa dan permasalahan-permasalahan yang melibatkan penetapan hukum-hukum bagi sebarang masalah yang timbul di kalangan umat Islam. Ini bermaksud bahawa *mazhab* Syāfie hendaklah diterima sebagai *mazhab* utama. Sungguhpun demikian prinsip-prinsip daripada *mazhab-mazhab* lain boleh diterimapakai dengan syarat mendapat perkenan daripada Sultan<sup>4</sup>.

Natijahnya, hampir keseluruhan masyarakat Melayu di negara ini menerima doktrin *mazhab* tersebut sehingga ada di antara mereka yang menganggap pandangan serta fatwa-fatwa ulama' dari *mazhab* lain tidak boleh diterima khususnya di dalam amalan ibadah mereka. Malah yang lebih membimbangkan ialah jika sesuatu pandangan baru yang bertentangan dengan prinsip *mazhab* tersebut cuba diketengahkan akan ditolak oleh masyarakat umat Islam.

Kedua-dua ini tidak mustahil bolch berlaku kerana masyarakat Melayu khususnya di daerah kajian sendiri telah diberikan pendedahan yang luas tentang cara-cara beribadah mengikut *mazhab* Syāfie. Pendedahan ini dapat dilihat melalui kelas-kelas pengajian yang dilakukan oleh guru-guru agama di kampung-kampung melalui kitab-kitab yang digunakan di dalam pengajaran mereka. Kesan

daripada keadaan ini telah mewujudkan masyarakat yang *ta'assub* kepada *mazhab* Syāfie.

Melalui kajian ini penulis akan cuba melihat sejauhmanakah kebenaran amalan ibadah khususnya amalan berzakat padi oleh masyarakat Melayu khususnya di daerah kajian benar-benar berteraskan prinsip-prinsip dari *mazhab* Syāfie. Di samping itu penulis juga akan cuba melihat adakah penduduk di daerah kajian mengetahui bentuk-bentuk kaedah melaksanakan zakat menurut perspektif *mazhab* tersebut di samping untuk mendapat kepastian samada wujud prinsip-prinsip dari *mazhab-mazhab* lain yang telah diterimapakai secara tidak langsung di dalam ibadah tersebut.

Selain itu penulis juga akan cuba melihat sejauhmanakah reaksi masyarakat terhadap amalan tersebut dari *mazhab-mazhab* lain sekiranya ianya cuba diketengahkan kepada mereka untuk diamalkan. Sungguhpun demikian aspek perundangan juga dilihat untuk menilai sejauhmanakah wujudnya kesinambungan amalan berzakat padi di kalangan masyarakat menepati kehendak undang-undang yang sedia ada.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Penulis merasakan kajian perlu dijalankan bagi melihat kedudukan sebenar amalan berzakat padi di kalangan masyarakat Melayu Islam di daerah kajian. Sejauhmanakah kebenaran dakwaan sesetengah umat Islam bahawa mereka hanya mengikuti prinsip-prinsip daripada *mazhab* Syāfie dalam amalan

tersebut. Sehubungan dengan itu pelbagai respon akan wujud sekiranya ada pihak-pihak yang cuba membawa prinsip-prinsip *mazhab* lain yang lebih praktikal dengan situasi semasa untuk diamalkan dalam masyarakat.

Sesungguhnya telah terdapat kajian yang dilakukan berkaitan *taklid* di peringkat Sarjana Muda oleh Che Bakar Che Mat yang bertajuk : **Mazhab Shafi'i dan Amalannya oleh Masyarakat Islam di Perlis**. Namun kajian tersebut hanya menumpukan penyelidikan berhubung ibadah sembahyang sahaja. Oleh itu penulis merasakan satu tanggungjawab untuk mengkaji amalan berzakat padi kerana lebih 50 peratus hampir penduduk di daerah kajian terikat dengan ibadah ini. Malah terdapat beberapa isu yang menimbulkan kontroversi di kalangan para petani khususnya berkaitan dengan pengiraan kadar zakat, agihan zakat dan lain-lain.

Sementara itu berhubung dengan konsep zakat pertanian pula terdapat dua buah penulisan yang telah dilihat oleh penulis seperti **Zakat Pertanian, Sistem dan Pelaksanaannya** oleh Mujaini Tarimin dan **Zakat Pertanian, Satu Tinjauan** oleh Aidit Ghazali. Daripada kedua-dua karya tersebut penulis merasakan masih ada ruang untuk dikaji kerana kedua-dua karya tersebut tidak menfokuskan aspek amalan zakat padi di dalam masyarakat dalam konsep bertaklid kepada *mazhab-mazhab* tertentu.

Jutseru itu, penulis amat berharap kajian ini dapat diketengahkan kepada masyarakat agar mereka dapat menerima bahawa semua kewajipan teramsuklah

amalan berzakat padi boleh dilaksanakan mengikut prinsip daripada mana-mana *mazhab* dalam keadaan yang boleh memberi kebaikan dan kesempurnaan amalan ibadah yang mereka kerjakan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif-objektif yang telah digariskan melalui kajian ini ialah :

1. Untuk melihat konsep *taklid* secara umum dari perspektif Islam, punca dan kesan-kesan penerimaan taklid kepada sesuatu *mazhab* terhadap masyarakat.
2. Mengenal pasti sejauhmanakah pemakaian *mazhab* Syafie di dalam ibadah zakat padi masyarakat Melayu.
3. Melihat samada wujud prinsip-prinsip dari *mazhab* lain yang telah diamalkan oleh masyarakat di daerah kajian dan telah disalah anggap sebagai prinsip *mazhab* Syafie.
4. Meninjau sejauhmanakah penerimaan masyarakat Melayu terhadap prinsip-prinsip ibadah daripada *mazhab* lain sekiranya boleh menjadi rukhsah kepada mereka.
5. Mengenal pasti keselarian amalan berzakat padi di kalangan masyarakat Melayu di lokasi kajian dengan undang-undang yang sedia ada.

### **1.4 Skop Kajian**

Konsep ibadah itu sendirinya sebenarnya terlalu luas. Oleh itu dalam kajian ini penulis hanya akan menumpukan kajian kepada ibadah zakat padi yang diamalkan oleh para petani di daerah kajian. Skop kajian ini akan memberi penumpuan kepada konsep zakat pertanian daripada perspektif *mazhab* Syafie

secara perbandingan dengan amalan para petani serta peruntukkan undang-undang zakat yang ada. Hasilnya penulis akan dapat melihat kedudukan sebenar pengamalan zakat tersebut oleh masyarakat Melayu selama ini.

### 1.5 Sinopsis Kajian

Untuk memudahkan pelaksanaan kajian dijalankan, penulis telah membahagikan kajian ini kepada 5 bab. Dalam bab pertama penulis akan mengkaji budaya *taklid* dan perkembangannya di Malaysia. Perbincangan akan dilakukan dengan melihat *taklid* yang dibenarkan oleh Islam di samping menilai sejauhmanakah pengaruh *mazhab* Syāfie dalam isu ini. Selain itu penulis akan membawa faktor-faktor perkembangan budaya tersebut di Malaysia.

Dalam bab kedua pula, penulis akan melihat konsep zakat pertanian dalam perbincangan para *fuqahā'*. Perbincangan akan berkisar tentang konsep zakat pertanian dari pelbagai pandangan *mazhab* sebagai gambaran awal wujudnya perbezaan prinsip-prinsip bagi setiap ulama' dan *mazhab-mazhab fiqh* yang wujud.

Bab ketiga pula akan membincangkan tentang sejarah kemunculan amalan bertaklid di Malaysia amnya dan di Kedah khususnya. Tujuannya untuk melihat bagaimanakah budaya tersebut mula bertapak dan perkembangannya seterusnya kesan pengaruh kepada masyarakat.

Bab keempat pula adalah hasil kaji selidik yang dijalankan bagi membuktikan realiti bertaklid kepada mazhab Syāfie khususnya dalam amalan berzakat padi, selain itu aspek undang-undang juga dilihat bagi menilai kedudukan amalan masyarakat dengan undang-undang.

Bab kelima pula adalah bab terakhir yang menghuraikan segala penemuan, kesimpulan dan saranan berhubung persoalan kajian.

## **1.6 Kaedah Penyelidikan**

Dalam usaha untuk mengumpul data-data bagi menyiapkan kajian ini penulis akan mengikut beberapa kedah berikut bagi memudahkan kajian dijalankan iaitu:

1. Penyelidikan Perpustakaan ( Library Research )
2. Penyelidikan Lapangan ( Field Research )

### **1.6.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Penulis akan menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data-data yang berbentuk teori daripada buku-buku yang berkaitan prinsip-prinsip fiqh Islam di samping melihat bahan-bahan berkaitan dalam bentuk jurnal, kertas kerja dan sebagainya.

### **1.6.2 Penyelidikan Lapangan**

Melalui kaedah ini penulis akan melakukan penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dipilih untuk di kaji. Borang-borang kaji selidik akan di

gunakan oleh penulis dalam pengumpulan data di samping menemubual pihak-pihak terbabit yang relevan dengan kajian penulis.

Melalui metode ini penulis akan mengedarkan borang kajiselidik kepada respondan yang dipilih. Respondan dipilih daripada penduduk-penduduk di beberapa buah kampung di daerah kajian. Respondan dipilih secara rawak.

## **1.7 Metode Analisa Data**

Dalam usaha untuk menganalisa data-data yang diperolehi, beberapa kaedah telah digunakan oleh penulis. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti:

### **1.7.1 Kaedah Induktif**

Kaedah ini digunakan oleh penulis dalam menganalisa data-data dengan membuat kesimpulan-kesimpulan khusus berdasarkan fakta-fakta yang bersifat umum. Sebagai contoh, penulis telah menemubual dan mengedarkan borang soalselidik kepada para penduduk di daerah Kota Setar sahaja. Sungguhpun demikian, segala maklumat yang diperolehi itu penulis telah jadikannya sebagai satu kesimpulan bagi seluruh masyarakat negeri Kedah.

### **1.7.2 Kaedah Deduktif**

Kaedah ini pula digunakan dengan membuat penganalisaan secara sebaliknya. Contohnya, beberapa pandangan daripada ulama' mazhab Syafie ( al-Syafi'iyyah ) berhubung hukum-hukum taklid dan zakat pertanian telah diambil. Namun begitu penulis telah menyimpulkan semua pandangan tersebut sebagai

pandangan daripada mazhab Syafie sekalipun mereka sebenarnya juga mengambil pandangan daripada Imam-imam mazhab selain Imam Syafie.

### **1.7.3 Kaedah Komparatif**

Melalui kaedah ini, penganalisaan dibuat secara perbandingan di antara fakta-fakta yang diperolehi. Sebagai contoh, perbandingan dilakukan di antara amalan masyarakat dalam melaksanakan pembayaran zakat padi dengan hukum-hukum berkaitan daripada mazhab Syafie. Perbandingan sebegini turut diketengahkan di antara amalan masyarakat dengan undang-undang serta fatwa-fatwa negeri Kedah yang telah diputuskan.

## **NOTA HUJUNG**

1. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1998, **Sejarah Pembinaan Hukum Islam**, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 213. Lihat juga Muhammad al-Khudri, 1965, **Tarikh al-Tasyri' al-Islami**, Kahirah, cet. 7
2. Roff W., 1962, “**Kaum Muda- Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst The Malay**, “ dalam **Paper on Malayan History**, K.G. Tregonning (ed.), Singapore, hlm. 10-12
3. Rahimin Affandi Abd. Rahim, 1998, **Budaya Taklid di dalam Masyarakat Melayu: Satu Tinjauan Ringkas**, Jurnal Syariah, Jil.3, Bil.1
4. Seksyen 38, Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Kedah, No. 9, 1962

## TRANSLITERASI

### A. HURUF

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ل	-	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ء	'
ص	s	ي	y
ض	d	ة	t

### B. VOKAL

Pendek	Panjang	Diftog
a — / —	ā — / —	ا ay — / — ای
i — / —	ī — / —	ای aw — / — او
u — / —	ū — / —	او

## **SENARAI KEPENDEKAN**

Abd.	-	Abdul
bil.	-	bilangan
cet.	-	cetakan
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
ed.	-	edisi
hlm.	-	halaman
ibid	-	pada tempat yang sama
Ibn.	-	anak lelaki kepada
Jil.	-	jilid
Juz.	-	juzuk
kg.	-	kilogram
No.	-	nombor
op.cit.	-	opera citato : pada karya yang sama
peny.	-	penyunting
Prof.	-	Profesor
s.a.w.	-	Sallallahu ‘alaihi wasallam
t.t.	-	tanpa tarikh
terj.	-	terjemahan
vol.	-	volume

## **SENARAI AKTA / STATUT**

- Undang-undang Zakat Negeri Kedah, Bil. 21, 1955
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Melaka, No.1, 1959
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Pulau Pinang, No. 3, 1959
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Kedah, No.9, 1962
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Perlis, No.3, 1964
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Perak, Bil. 11, 1965
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, No. 2, 1966
- Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor, Bil.14, 1978
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Istiadat Resam Melayu Pahang, No.8, 1982
- Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Trengganu, Bil. 12, 1986
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor, No.2, 1989
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan, No.1, 1991